

KLANG, 1 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MEMBERI AMARAN KEPADA PENIAGA SUPAYA JANGAN MENAIKKAN HARGA BARANGAN EKORAN KENAIKAN HARGA MINYAK HARI INI KERANA HARGA BARU ITU SEBENARNYA HARGA ASAL SEBELUM IA DITURUNKAN PADA 1 OGOS LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA PENIAGA TIDAK MEMPUNYAI ALASAN UNTUK MENAIKKAN HARGA BARANGAN KERANA SEMASA HARGA MINYAK DITURUNKAN PADA KADAR YANG SAMA DAHULU, HARGA BARANGAN TIDAK DITURUNKAN SAMA.

+INI BUKAN HARGA BARU TETAPI HARGA LAMA. IA DINAIKKAN SEMULA KEPADA HARGA ASAL SEBELUM IA DITURUNKAN. SAYA HARAP PENIAGA JANGAN CUBA BERI ALASAN MENAIKKAN HARGA BARANGAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DI DEWAN HAMZAH DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS KENAIKAN HARGA BARANGAN PETROLEUM DI ANTARA 2.1 SEN DAN 3 SEN SELITER BERKUASA HARI INI.

MENGENAI KAJIAN HARGA BARANGAN PENGGUNA EKORAN KRISIS TELUK, BELIAU BERKATA KAJIAN ITU AKAN DIBENTANGKAN PADA MESYUARAT KABINET MINGGU DEPAN.

KATANYA, SETAKAT INI KERAJAAN TELAH MENDAPAT MAKLUMAT MENGENAI PERATURAN KENAIKAN HARGA BARANGAN YANG TERLIBAT DENGAN HARGA MINYAK.

-- LAGI
1812MST 01 09 90

D135

R B184 AAB
MAHATHIR - HARGA 2 KLANG

MENURUTNYA, SEDIKIT SEBANYAK KERAJAAN KINI MENDAPAT GAMBARAN TENTANG PERANAN MINYAK DALAM MENENTUKAN HARGA BARANGAN.

KETIKA DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN KERAJAAN MENARIK BALIK LARANGAN MENGADAKAN RAPAT UMUM PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, PERDANA MENTERI BERKATA, POLIS SEDANG MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI PERKARA ITU DAN KERAJAAN AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA SETELAH MENERIMA MAKLUMAT LENGKAP KELAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN UNDANG-UNDANG MELARANG MENGADAKAN RAPAT UMUM PADA MASA INI, PERATURAN ITU TIDAK DIPATUHI OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG.

BELIAU BERKATA, SEBELUM INI SEBUAH RAPAT UMUM SECARA BESAR-BESARAN TELAH DIADAKAN DI PULAU PINANG OLEH DAP, PAS DAN PARTI SEMANGAT 46 DENGAN KEHADIRAN YANG DIANGGARKAN SERAMAI 20,000 ORANG.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, POLIS TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA MESKIPUN PERBUATAN ITU MENYALAHAI UNDANG-UNDANG. -- LAGI
2020MST 01 09 90

D140

R B185 AAB
MAHATHIR - HARGA 3 KLANG

PERDANA JUGA MENYENTUH MENGENAI KERJASAMA ANTARA PAS DAN DAP, MESKIPUN KEDUA-DUA PARTI ITU MEMPUNYAI PRINSIP YANG BERTENTANGAN.

KATANYA, PAS SEOLAH-OLAH SEDAR BAHAWA IA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENDIRIKAN SEBUAH NEGARA ISLAM SEHINGGA MEREKA SANGGUP MEMBELAKANGKAN PRINSIPNYA DAN BEKERJASAMA DENGAN DAP.

+DAHULU KITA TERKEJUT KALAU PAS IKUT DAP. SEKARANG OLEH KERANA PAS MEMANG TERIMA DASAR DAP, TIDAKLAH MENJADI PERKARA LUAR BIASA JIKA MEREKA IKUT DASAR DAP. JADI KITA TIDAK HAIRAN LAGI TENTANG KERJASAMA PAS-DAP DAN PAS MENERIMA DASAR DAP,+ KATANYA SEMASA DIMINTA MENGULAS KEPUTUSAN PAS TIDAK MAHU MENYERTA MAJLIS PERUNDINGAN MENGENAI AKTA PENDIDIKAN.

KETIKA BERUCAP KEPADA RIBUAN RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH TENGGU IDRIS SHAH DI KAPAR, KIRA-KIRA 20 KM DARI SINI, PULA PERDANA MENTERI BERKATA PEMIMPIN PAS TELAH +MENJUAL+ PARA PENYOKONGNYA YANG SELAMA INI YAKIN TERHADAP PRINSIP PARTI ITU UNTUK MENDIRIKAN NEGARA ISLAM.

MALAH, KATANYA, SEORANG PEMIMPIN PAS PERNAH MENGAKU BAHAWA MEREKA TIDAK MUNGKIN MENDIRIKAN NEGARA ISLAM TANPA KERJASAMA DENGAN DAP, SEDANGKAN KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DAP TIDAK AKAN MENGIZINKAN PAS MENDIRIKAN NEGARA ISLAM. -- LAGI

U B193 AAB
MAHATHIR - HARGA 4 KLANG

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL, BERKATA PAS DAN DAP TELAH +DIPERKUDAKAN+ OLEH PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, YANG CUBA MENDAPATKAN PENGARUH KERANA PARTI SEMANGAT 46 SEBENARNYA TIDAK MEMPUNYAI RAMAI PENGIKUT. PERDANA MENTERI JUGA KESAL DENGAN PERBUATAN FITNAH PAS BARU-BARU INI, YANG MENDAKWA KONONNYA 12 ORANG PEKERJA DI PELANGI BEACH RESORT DI LANGKAWI TELAH HAMIL.

SAMBIL MENAFIKAN TUDUHAN ITU, BELIAU KESAL KERANA PERBUATAN ITU DILAKUKAN OLEH SEBUAH PARTI YANG MENDAKWA MEMPERJUANGKAN PRINSIP ISLAM.

BELIAU JUGA MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENUDUH KONONNYA KERAJAAN MENAIKKAN SUBSIDI PADI KEPADA 50 PERATUS BARU-BARU INI DENGAN TUJUAN KONONNYA UNTUK MEMBELI UNDI.

MENURUTNYA, KERAJAAN SENTIASA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN RAKYAT DAN MEMBERI BANTUAN APABILA IA DIPERLUKAN OLEH RAKYAT. -- LAGI
2046MST 01 09 90

U B194 AAB
MAHATHIR - HARGA 5 KLANG

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERSYUKUR KERANA DAPAT HIDUP DENGAN SELESA DAN AMAN MESKIPUN RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM.

+JIKA KITA BUKA MALAYSIA KEPADA RAKYAT ASING, DALAM SEKELIP MATA MEREKA AKAN MEMBANJIRI NEGARA INI KERANA MEREKA SEDAR MEREKA BOLEH HIDUP SELESA DI NEGARA INI.

+JIKA RAKYAT ASING MAHU MERASA NIKMAT HIDUP DI NEGARA INI, MENGAPAKAH TERDAPAT RAKYAT YANG MASIH TIDAK PUAS HATI DENGAN KESENYANGAN YANG ADA?+ TANYA BELIAU.

YANG TURUT BERUCAP SEBELUM ITU IALAH MENTERI BESAR SELANGOR, TAN SRI HAJI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, PRESIDEN GERAKAN, DATUK SERI DR LIM KENG YAIK, PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK DAN PRESIDEN MIC, DATUK SERI S.SAMY VELLU.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT, DAN PRESIDEN SNAP, DATUK AMAR JAMES WONG, HADIR SAMA. -- BERNAMA
2048MST 01 09 90